

**Program 3K tingkat pengetahuan tentang kanser**

SERDANG, 24 Feb - Sempena sambutan Hari Kanser Sedunia yang disambut pada 4 Februari setiap tahun, Universiti Putra Malaysia (UPM) mengambil inisiatif menganjurkan Karnival Kesedaran Kanser (3K) bertemakan 'Today's Youth, Tomorrow's World – cancer prevention through healthy lifestyle'.



Naib Canselor UPM, Dato' Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi, berucap pada majlis perasmian program 3K

Naib Canselor UPM, Dato' Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi berkata, program selama dua hari bermula 24 hingga 25 Februari 2011 itu bertujuan memberi pendedahan, kesedaran selain meningkatkan pengetahuan mengenai kanser kepada pelajar, belia dan penduduk.



Sebahagian daripada pelajar sekolah yang diundang pada majlis perasmian program 3K

"Selain itu, ia merupakan wadah pendedahan awal kepada golongan sasaran bahawa pencegahan kanser bermula daripada gaya hidup seseorang, justeru langkah pencegahan secara berterusan dan tindakan segera oleh setiap individu melalui pengesanan awal kanser dapat menghindar merebaknya penyakit ini.



Dato' Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi (tengah) bersama Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) Prof. Dr. Tai Shzee Yew (kanan) dan Ketua Pustakawan UPM, Amir Hussain Md. Ishak, melawat gerai semasa program 3K

"Program itu juga merupakan salah satu usaha UPM menggalakkan aktiviti penyelidikan mengenai kanser menerusi perkongsian maklumat selain dapat memupuk semangat kerjasama dalam kalangan mahasiswa melalui aktiviti kesedaran kanser," katanya pada majlis perasmian karnival itu di sini.



Sebahagian daripada pengunjung melawat gerai pada program 3K

Turut hadir pada majlis itu Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) UPM, Prof. Dr. Tai Shzee Yew dan Ketua Pustakawan UPM merangkap Pengurusi Jawatankuasa program 3K, Amir Hussain Md. Ishak.



Dato' Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi (tengah) bersama Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) Prof. Dr. Tai Shzee Yew (kanan) dan Ketua Pustakawan UPM, Amir Hussain Md. Ishak, melancarkan buku mengenai kanser

Program itu turut diserikan dengan kehadiran beberapa wakil jemputan dari institusi pengajian tinggi dan sekolah.



*Persembahan pembukaan daripada pelajar Sekolah St.John, Seremban*

Dato' Ir. Dr. Radin Umar menambah, apa yang lebih penting program itu dapat memberi sokongan kepada pesakit kanser selain menjadikan pengalaman mereka sebagai pembakar semangat kepada pesakit-pesakit baru untuk meneruskan kehidupan.

Program 3K dianjurkan bersama oleh Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS), Laboratori Penyelidikan Kanser UPM-MAKNA (CanRes), Unit Biodiversiti, Institut Biosains (IBS), Laboratori Pendidikan dan Perkhidmatan Kanser (CaEd), Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS), Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), Pusat Kesihatan Universiti (PKU) dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP).



*Salah seorang pengunjung melakukan pemeriksaan kesihatan*

Antara aktiviti menarik program 3K termasuk derma darah, pertandingan penyelidikan kanser, forum umum 3K, kuiz kesihatan, sesi penyaringan kanser, marathon pelajar dan pameran daripada beberapa NGO termasuk Kanser Network (Kanwork), Pusat Sumber Pendidikan dan Sokongan Kanser (CORE), Cancerlink Foundation dan National Cancer Society.



Dato' Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi beramah mesra bersama beberapa pengunjung yang menjalani derma darah

Pada program itu, UPM turut melancarkan lima buah buku berkaitan kanser payu dara yang menerangkan tentang aktiviti fizikal untuk pesakit kanser payu dara semasa dan selepas rawatan, bahaya pengambilan alkohol, pengambilan suplimen diet, pengambilan lemak dan perubahan berat badan.



Pelajar UPM menunjukkan buku mengenai kanser yang baru dilancarkan

Talian bebas tol 'Kan Help Line 1-800-22-2233' turut dilancarkan bertujuan memberi maklumat mengenai kanser dan sokongan kepada pesakit kanser di seluruh Malaysia.

Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.  
(Mohd. Martin Abdul Kahar), 03-89467469.